

Headline **KLIUC lahir pakar bidang rangkaian dan mudah alih**
Date **06 Feb 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **3**
Article Size **615 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **12,155**
PRValue **36,465**



KLIUC lahir pakar bidang rangkaian dan mudah alih

CUBA anda bayangkan bagaimanakah kehidupan seharian kita tanpa peranan teknologi terutamanya teknologi rangkaian dan mudah alih pada zaman yang serba moden ini?

Sudah tentu ia sesuatu yang sukar. Perlu diakui bahawa teknologi telah banyak mengubah corak kehidupan manusia. Tugas dan cara berkomunikasi menjadi lebih mudah dengan terciptanya peralatan-peralatan canggih seperti komputer, telefon mudah alih, rangkaian Internet, PDA dan sebagainya. Kini, peralatan tersebut menjadi satu 'kemestian' yang harus dimiliki oleh setiap individu.

Menurut Ketua Jabatan bagi Program Teknologi Rangkaian (*Networking*), Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC), Sangeetha (**gambar**), penggunaan teknologi terutamanya teknologi rangkaian dan mudah alih bukan sahaja membolehkan seseorang individu berhubungan dengan individu yang berada di tempat lain, malah boleh mengakses maklumat secara digital dari mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa dikehendaki.

"Teknologi-teknologi ini telah mengubah cara kehidupan kita, cara kita berkomunikasi, menjalankan perniagaan dan juga hiburan. Perkembangan yang sangat pesat ini telah mendorong saintis-saintis untuk mencipta dan membangunkan satu sistem agar setiap urusan menjadi lebih mudah, pantas, tanpa sempadan serta menyumbang kepada kualiti hidup lebih baik," katanya.

Beliau memberitahu, terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan teknologi mudah alih iaitu pengenalan teknologi satelit dan perkhidmatan 3G.

Teknologi satelit membolehkan maklumat-maklumat digital dihubungkan di serata dunia manakala perkhidmatan 3G dan

3.5G membenarkan teknologi Internet diguna pakai di telefon mudah alih dan boleh digunakan sebagai peralatan multimedia.

"Bagaimanapun, banyak perkara lain yang perlu diambil kira terutamanya harga peralatan mudah alih dan tarif penggunaan yang dikenakan. Kita dapat saksikan bagaimana kadar tarif penggunaan yang rendah

dan harga peralatan murah menjadi pilihan ramai.

"Sebagai contoh, penggunaan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) yang ditawarkan oleh kebanyakan syarikat komunikasi pada masa kini. Perkhidmatan ini sangat popular dan mencatatkan rekod memberangsangkan di beberapa negara Asia seperti Malaysia, China, Filipina dan lain-lain memandangkan caj yang rendah dan mampu digunakan oleh setiap individu," ujarnya.

Pada masa akan datang, perkembangan teknologi rangkaian dan mudah alih banyak bergantung kepada faktor kelajuan dan liputan yang ditawarkan.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Pengarah Urusan CISCO Malaysia, Anne Abraham, kelajuan perkhidmatan (*speed connection*) dipercayai memberi kesan terhadap pengguna manakala liputan pula merujuk kepada jumlah individu yang menggunakan perkhidmatan rangkaian dan mudah alih di rumah, tempat kerja ataupun dalam sesuatu komuniti.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh International Data Corporation (IDC) baru-baru ini, rantau Asia Pasifik mencatatkan 210,000 kekurangan tenaga pakar dan profesional dalam bidang rangkaian pada tahun lalu. Ia dijangka meningkat sehingga 40 peratus kekosongan jawatan dalam bidang tersebut pada tahun ini.

Menyedari kepentingan dan keperluan dalam bidang ini, KLIUC telah merangka dan memperkenalkan programnya tersendiri dikenali sebagai Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) Teknologi Rangkaian dan Diploma Teknologi Rangkaian dan Mudah Alih bagi memenuhi keperluan semasa.

Para pelajar diberi pendedahan secara teori dan praktikal agar mereka benar-benar faham, mahir dan mampu mengaplikasikan apa yang telah dipelajari setelah tamat pengajian kelak.

Antara kemahiran yang diajar termasuklah *computer networks design, correcting network problems, network security preventions, network management techniques, mobile programming for PDA applications dan mobile games development.*

Headline	KLIUC lahir pakar bidang rangkaian dan mudah alih	Language	Malay
Date	06 Feb 2010	Page No	3
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	615 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	12,155
Frequency	Daily	PRValue	36,465
Circ / Read	238,082 / 833,287		

Selain itu, KLIUC juga membekalkan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran lain termasuk kemahiran kepimpinan dan berkomunikasi agar pelajar-pelajar menjadi seorang yang terlatih, berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

Sehingga kini, KLIUC telah berjaya melahirkan siswazah dalam bidang teknologi rangkaian yang berkualiti dan serba boleh. Kebanyakannya sedang berkhidmat di beberapa syarikat terkemuka seperti Maxis, Digi, Celcom, U Mobile, MIMOS dan Cyber Security.

Syarat kemasukan bagi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) Teknologi Rangkaian, sekurang-kurangnya mendapat dua prinsipal dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Diploma yang diiktiraf atau yang setaraf dengannya.

Bagi Diploma Teknologi Rangkaian dan Mudah Alih pula, syarat minimum adalah sekurang-kurangnya mendapat tiga kredit (termasuk subjek Matematik) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf.

Kedua-dua program tersebut mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) Teknologi


Rangkaian telah mendapat akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Dengan pengiktirafan tersebut, para pelajar layak memohon pinjaman pembelajaran yang disediakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (Mara) atau institusi-institusi kewangan lain.

Selain itu, pelajar-pelajar juga layak menikmati potongan yuran pengajian sehingga 60 peratus jika mereka memperoleh Purata Nilai Gred Terkumpul (PNGK) dan keputusan cemerlang.

Selain bidang teknologi rangkaian dan mudah alih, KLIUC juga menawarkan program-program dalam bidang lain seperti kejuruteraan, seni bina, perniagaan, perakaunan, komunikasi dan banyak lagi. Program-program yang ditawarkan bermula dari peringkat asas sehinggalah ke peringkat pasca-siswazah.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi KLIUC di talian 03-89266993 atau 019-3883435 atau layari www.kliuc.edu.my



KEMUDAHAN makmal teknologi rangkaian yang lengkap memudahkan para pelajar KLIUC.